

SEMPENA MAJLIS PERJUMPAAN YAB TPM BERSAMA KESATUAN SEKERJA
22/05/2012

Saudari Pengacara Majlis,

Yang Amat Berhormat Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman
Menteri Besar Johor

Yang Berhormat
Datuk Seri Dr. S. Subramaniam
Menteri Sumber Manusia

Yang Berhormat Senator Dato' Maznah binti Mazlan
Timbalan Menteri Sumber Manusia

Yang Berbahagia Dato' Seri Zainal Rahim bin Seman
Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia

Yang Berusaha Tuan Mohd Khalid Atan
Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC)

Yang Berbahagia Datuk Haji Omar bin Osman
Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS)

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin,

Para pemimpin dan ahli kesatuan sekerja,

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

1. Alhamdulillah, saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan kurniaNya, dapat kita dipertemukan dalam Majlis Perjumpaan Bersama Kesatuan Sekerja pada pagi yang berbahagia ini.
2. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih saya rakamkan kepada YB Menteri Sumber Manusia atas penganjuran majlis yang istimewa ini. Majlis ini merupakan suatu wadah bagi saya menyampaikan gagasan serta harapan secara langsung kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian, mengenai peranan dan hala tuju kesatuan sekerja ke arah merealisasikan Misi Nasional.
3. Pertama sekali, masih belum terlewat untuk saya mengucapkan Selamat Hari Pekerja kepada seluruh warga pekerja di Malaysia. Semasa Perhimpunan Hari Pekerja di MAEPS Serdang baru-baru ini, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pembukaan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) untuk dikendalikan oleh pihak MTUC bagi sektor swasta dan pihak CUEPACS bagi sektor awam. Nyata, ini adalah satu manifestasi keprihatinan dan

kepercayaan Kerajaan dalam mengiktiraf sumbangan para pekerja yang telah sama-sama membangunkan ekonomi negara kita yang tercinta.

4. Justeru, untuk terus maju dan mencapai lonjakan berganda, kita harus memaksimumkan aplikasi inovasi dan kreativiti serta membudayakan pemikiran di luar kotak kebiasaan. Saya menyeru agar tuan-tuan dan puan-puan turut sama menghayati tema Hari Pekerja tahun ini, “Pekerja Berinovatif Penggerak Transformasi”. Tema ini amat bertepatan dengan aspirasi kerajaan untuk melakukan lonjakan ke arah sebuah negara maju berpendapatan tinggi, di mana warga pekerja baik di sektor awam mahupun swasta merupakan pemacu kepada perjalanan transformasi yang sedang kita lalui.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Anjakan kepada Negara Berpendapatan Tinggi

5. Dalam memeta dekad terakhir menuju tahun 2020, YAB Perdana Menteri telah mengilhamkan agenda Transformasi yang meliputi Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP). Seperti semua sedia maklum, program ini menekankan pelaksanaan perubahan-perubahan penting dalam jentera Kerajaan melalui pendekatan baru yang radikal bagi mempercepatkan pencapaian agenda pembangunan negara.

6. Alhamdulillah, selepas hampir tiga tahun dilancarkan, pencapaian GTP dan ETP amat positif dan melangkaui sasaran yang ditetapkan. Malaysia telah mencapai banyak kejayaan amat bermakna dan hasil-hasil penting dalam dan luar Negara yang merangkumi:

Pencapaian Dalam Negara:

- Penurunan 11.1% dalam Jenayah Indeks dan 39.7% dalam Jenayah Jalanan.
- Pengurangan sebanyak 40.25% sekolah yang terkeluar daripada klasifikasi sekolah rendah dan menengah yang berprestasi rendah (380 buah sekolah tahun 2011, berbanding 636 tahun 2010).
- Pelaburan Sektor Swasta Negara meningkat kepada RM94 bilion pada tahun 2011, meningkat 19.4% dari 2010.
- Pelaburan asing (FDI) meningkat kepada RM32.9 bilion, peningkatan sebanyak 12.3% dari RM29.3 bilion pada tahun sebelumnya.
- Kemajuan ETP pada tahun 2011 menghasilkan 110 projek dilancarkan dengan potensi pelaburan sebanyak RM179.2 bilion.
- Pungutan Hasil Pendapatan (Tahun 2011) Tertinggi dalam sejarah negara sebanyak RM100 bilion.

Pencapaian Global/Antarabangsa

– Laporan Indeks Keamanan Global (GPI) tahun 2011 telah mengiktiraf Malaysia sebagai Negara terselamat di Asia Tenggara, dan ke-19 di dunia.

– Pengiktiran antarabangsa dari AT Kearney 2011 FDI Confidence Index aliran pelaburan masuk meningkat lebih 5 kali ganda (537 %) kepada US9 bilion (RM27 bilion) pada tahun 2010. Pencapaian ini sahaja telah melangkaui pencapaian 2011.

– Malaysia mengikut Laporan Doing Business 2012 oleh Bank Dunia meningkat ke kedudukan 18 terbaik dunia dari 183 buah Negara (5 anak tangga dari posisi ke 23 tahun 2010). Malaysia di hadapan Jerman, Jepun, Taiwan, dan Switzerland.

– Mengenai persaingan global, Global Competitiveness Report telah menyenaraikan Malaysia sebagai:

⊗ Ke-2 terbaik di kalangan Negara ASEAN,

⊗ Ke-6 terbaik di Asia Pasifik; dan

⊗ Ke-21 dari 142 di seluruh Negara (naik lima anak tangga dari tahun sebelumnya).

7. Kerajaan Barisan Nasional turut memberi tumpuan khusus kepada kesejahteraan Rakyat terutamanya kebajikan pekerja-pekerja di Malaysia, tanpa mengira latar-belakang dan penyertaan sektor ekonomi. Kerajaan tekad dan komited melaksana strategi bagi meningkatkan kebajikan, kesejahteraan dan kesejahteraan hidup Rakyat dan hasil-hasil dibawah agenda transformasi ini merangkumi program ‘touch points’ Kerajaan Persekutuan seperti:

(i) BR1M (Bantuan Rakyat 1 Malaysia): Peruntukan berjumlah RM2.6 bilion kepada hampir 4 juta isi rumah seluruh Negara.

(ii) SARA 1Malaysia (Skim Amanah Rakyat 1Malaysia): Peruntukan berjumlah RM500 juta.

(iii) Bantuan Baucer Buku 1Malaysia (BB1M): Melibatkan jumlah penuntut seramai 1.3 juta, dan peruntukan berjumlah RM260 juta.

(iv) Bantuan Persekolahan RM100 kepada Anak-anak di sekolah Rendah dan Menengah seluruh Malaysia

- Jumlah terlibat 5.3 juta anak-anak.

- Peruntukan berjumlah RM530 juta.

(v) Klinik 1Malaysia (Yuran RM1; dan Percuma bagi warga emas).

(vi) KR1M (Kedai Rakyat 1Malaysia).

8. Kesemua peruntukan bertujuan memberi manfaat bagi rakyat dan pekerja ini adalah saksama dan tidak memilih (diskriminasi) dari fahaman politik.

9. Selain dari manfaat yang disediakan oleh Kerajaan dibawah agenda transformasi 1Malaysia, Kerajaan Barisan Nasional, semenjak dahulu, turut menyediakan peruntukan subsidi bagi barangan asas harian khususnya Gula, Tepung Gandum, Minyak Masak, Beras,

Gas dan Minyak.

10. Peruntukan subsidi Kerajaan barangan asas bagi membantu meringankan kos sara hidup Rakyat pada tahun 2011 adalah sebanyak RM22.54 bilion, meningkat sebanyak lebih RM11 bilion atau 98.8 peratus, dari tahun 2010 yang berjumlah RM11.34 bilion.

11. Kerajaan Barisan Nasional turut membelanjakan peruntukan yang besar berjumlah RM37.6 bilion bagi membantu kesejahteraan dan kebajikan Rakyat Malaysia dalam pelbagai bentuk, antaranya:

- Perumahan (RM1.07 bilion);
- Jalanraya (RM3.80 bilion);
- Bantuan kewangan kepada masyarakat miskin (0.02 bilion);
- Pinjaman, dan geran dibawah program 1Azam (RM0.69 bilion);
- Baucar bagi pra-sekolah RM(0.01 bilion);
- Subsidi kesihatan dihospital dan klinik (RM13 bilion); dan
- Minyak petrol/diesel dan gas (RM18.99 bilion).

12. Sokongan berterusan yang diberikan oleh semua peringkat pekerja dan majikan di negara ini telah membolehkan Kerajaan Barisan Nasional mentadbir negara dengan cekap dan berkesan. Dengan sokongan ini, Kerajaan Barisan Nasional dapat melaksana dan menjayakan pelbagai program pembangunan dan kesejahteraan Rakyat merangkumi kebajikan pekerja-pekerja dipelbagai sektor, menerusi agenda pembangunan ekonomi dan sosial yang padu.

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. Pada tahun 2011, ketika senario ekonomi global tidak menentu, Malaysia telah mencatat pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.1 peratus lebih baik dari jangkaan awal, sementara kadar pengangguran pula telah menyusut kepada 3 peratus. Kedua-dua elemen ini adalah di antara indikator keupayaan negara dalam memastikan perkembangan ekonomi yang mampan dalam tempoh jangka sederhana.

14. Berasaskan trend perkembangan ekonomi negara yang positif, Kerajaan yakin lebih banyak pelabur asing akan beroperasi di negara ini dengan membawa modal, teknologi dan inovasi terkini. Ini akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan baru yang menawarkan pendapatan lebih tinggi kepada rakyat tempatan.

15. Melalui pelaksanaan ETP, dianggarkan lebih daripada RM1 trilion nilai pelaburan baru dan kira-kira 3 juta pekerjaan akan diwujudkan menjelang tahun 2020. Bagi mengimbangi keperluan tersebut, Kerajaan telah merangka program dan strategi untuk meningkatkan kapasiti tenaga kerja mahir kepada 33 peratus menjelang 2015 dan 50 peratus menjelang 2020.

16. Dalam hubungan ini, saya menyeru agar semua kesatuan sekerja memainkan peranan yang lebih aktif untuk meningkatkan kebolehpasaran warga pekerja, dengan memberi sokongan terhadap usaha Kerajaan khususnya dalam aspek pembangunan kompetensi berteraskan pengetahuan, kemahiran serta kepakaran di samping membudayakan elemen inovasi dan kreativiti di kalangan setiap ahlinya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Pemantapan Jaringan Keselamatan Sosial

17. Satu aspek yang sentiasa diberi tumpuan oleh Kerajaan ialah berkaitan hak dan kebajikan warga pekerja, di mana pelbagai inisiatif ke arah memantapkan jaringan keselamatan sosial telah dan sedang giat dilaksanakan pada ketika ini khususnya semakan semula akta-akta perburuhan secara holistik, di mana semua cadangan penambahbaikan dibincangkan berasaskan semangat tripartisme antara Kerajaan, para majikan dan pihak kesatuan sekerja yang mewakili kepentingan warga pekerja.

18. Hasilnya, pindaan fasa pertama Akta Kerja 1955 telah diwartakan pada 9 Februari 2012 dan berkuat kuasa mulai 1 April 2012. Pindaan ini telah melibatkan perubahan kepada 28 peruntukan sedia ada, memasukkan 17 peruntukan baru dan memansuhkan 2 peruntukan. Pindaan akta ini meningkatkan perlindungan hak dan kebajikan warga pekerja serta kepentingan para majikan sesuai dengan keperluan semasa.

19. Sebagai contoh, Akta Kerja 1955 kini meliputi semua warga pekerja yang bergaji tidak melebihi RM2,000, berbanding pekerja yang bergaji di bawah RM1,500 sebelum pindaan dibuat. Peruntukan bagi menangani gangguan seksual di tempat kerja yang melindungi semua pekerja tanpa mengira had gaji juga dimasukkan, begitu juga peruntukan cuti dan faedah bersalin bagi semua pekerja wanita.

Hadirin sekalian,

20. Penetapan kadar gaji minimum bagi sektor swasta yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini iaitu RM900 bagi Semenanjung Malaysia dan RM800 bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan, turut bertujuan untuk memperluaskan lagi jaringan keselamatan sosial bagi warga pekerja. Kerajaan memperkenalkan dasar gaji minimum kerana amat memahami kehendak dan keperluan asas setiap individu yang bekerja dapat dipenuhi, di samping memperbaiki kelemahan dalam pasaran pekerjaan (labour market distortions).

21. Dalam masa yang sama, Kerajaan juga sedang meneliti dasar penetapan umur persaraan minimum bagi sektor swasta. Pada masa ini kebanyakan syarikat swasta menetapkan umur persaraan pada 55 tahun sedangkan kajian mendapati jangka hayat rakyat Malaysia semakin meningkat, dan produktiviti kerja individu tidak terjejas. Peningkatan jangka hayat merupakan indikator bahawa tahap kesihatan secara umumnya adalah semakin baik dan membolehkan seorang individu bekerja lebih lama.

22. Dengan penetapan umur persaraan minimum yang sesuai, secara langsungnya akan memberi kesan positif kepada pertumbuhan negara kerana pekerja yang produktif, berpengalaman dan berkemahiran tinggi dapat meneruskan perkhidmatan mereka dan memberi sumbangan yang bernilai kepada negara.

23. Dalam hubungan ini, pewujudan dan pemantapan dasar-dasar yang memberi perlindungan kepada warga pekerja akan mempengaruhi pasaran pekerjaan supaya menjadi lebih anjal (flexibel). Pihak kesatuan sekerja haruslah mempersiapkan ahli-ahlinya supaya bersedia menyambut perubahan ini dan menyediakan inisiatif-inisiatif yang membantu meningkatkan keupayaan minda dan fizikal serta komitmen pekerja-pekerja.

Para hadirin yang dihormati,

24. Di antara tahun 2000 hingga 2011, bilangan kesatuan sekerja di negara ini mencatatkan peningkatan hampir 25%, dengan jumlah sebanyak 697 kesatuan sekerja pada hari ini. Dengan keanggotaan berjumlah 800,171 pekerja, entiti kesatuan sekerja dapat terus memperkayakan program-program yang dapat meningkatkan faedah kepada ahli-ahli terutamanya yang masih berkhidmat, dari aspek pembangunan kompetensi, inovasi dan kepakaran.

25. Dalam hubungan ini juga, pihak kesatuan sekerja harus memperkasakan lagi peranan dan hala tuju supaya proaktif dan bergerak seiring dengan aspirasi Kerajaan serta mengukuhkan persefahaman dengan pihak majikan.

26. Saya menyarankan agar pihak kesatuan sekerja dan para majikan terus meningkatkan hubungan baik yang dapat mengurangkan berlakunya pertikaian perusahaan atau disputes. Tumpuan terhadap aspek mengukuhkan persefahaman ini akan dapat meningkatkan kerjasama kedua belah pihak dengan sendirinya tanpa memerlukan intervensi atau sebarang tekanan oleh pihak Kerajaan. Sebagai contoh, hanya 311 kes pertikaian perusahaan yang dilaporkan pada tahun 2011 berbanding 436 kes pada tahun 2000, iaitu pengurangan sebanyak 28 peratus. Perkembangan positif ini memberi manfaat besar kepada semua pihak berkenaan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

27. Sekali lagi, saya mengambil kesempatan ini mengingatkan bahawa persekitaran kerja yang kondusif amat memerlukan kerjasama padu dan persefahaman yang jitu antara kesatuan-kesatuan sekerja dengan pihak majikan, samada meliputi perkara-perkara hal-ehwal kebajikan pekerja ataupun pengurusan dan prestasi syarikat. Hasil persekitaran yang kondusif ini akan pasti menyumbang kepada prestasi positif ekonomi negara, dan seterusnya melonjakkan usaha untuk mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi.

28. Saya turut mengambil kesempatan ini menekankan bahawa Kerajaan Barisan Nasional mempunyai rekod cemerlang menyokong dan bekerjasama dengan kesatuan-kesatuan perkerja di Malaysia, khususnya mempertingkatkan kebajikan dan kesejahteraan hidup pekerja di negara ini. Dengan perancangan agenda pembangunan negara yang kukuh, saya berharap ahli-ahli kesatuan-kesatuan sekerja akan terus bersama Kerajaan Barisan Nasional untuk sama-sama membantu melaksana agenda pembangunan negara ini yang dapat menjana faedah besar dari segi pendapatan, pekerjaan dan persekitaran kerja yang lebih baik bagi setiap pekerja dan juga untuk generasi kita masa hadapan.

29. Saya mengucapkan selamat maju jaya, dan semoga setiap pengorbanan kita disusuli dengan komitmen dan keikhlasan bagi memperkasa negara Malaysia yang kita cintai ke tahap yang lebih cemerlang lagi.

Sekian, terima kasih.

Wassalamualaikum WBT